

0035

U 8895 DEB

MAHATHIR - KERJASAMA R R R

(I)

OLEH AHMAD REJAL ARBEE 1984

BAMAKO (MALI), 1.8 DIS, (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERIDR. MAHATHIR. MOHAMAD BERKATA MALAM TADI BAHAWA PELUANG TERBUKA LUAS BAGI MEWUJUDKAN KERJASAMA SELATAN-SELATAN YANG LEBIH BERMAKNA UNTUK NEGARA-NEGARA MEMBANCUN MENGHADAPI MASALAH Masing-masing SECARA BERSENDIRIAN

BELIAU MEMBUAT PENILAIAN INI BERIKUTAN PERBINCANGAN DENGAN PARA PEMIMPIN MALI, MESIR DAN LIBYA SERTA TUNISIA DALAM LAWATANNYA SELAMA 11 HARI KE KETIGA-TIGA BUAH NEGARA ITU SEKARANG DAN SEMASA SINGGAH SEBENTAR DI TUNIS.

MENYENTUHTAJUK YANG SAMA DALAM UCAPANNYA DI JAMUAN NEGARA YANG DIBERIKAN OLEH PRESIDEN MALI; JEN. MOUSSATRAORE DI SINI MALAM TADI, PERDANA MENTERI BERKATA BELSAU YAKIN BAHAWA USAHA KERJASAMA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN UNTUK BERKONGSI PENGALAMAN DAN MENGUMPULKAN SUMBER-SUMBER MEREKA MEMBERIKAN HARAPAN TERBAIK BAGI MENGHADAPI KEGAGALAN MEMBAWA PERUBAHAN KEPADA TATACARA EKONOMI SEKARANG.

BELIAU BERKATA BAHAWA DENGAN PANDANGAN SEDEMikianlah MAKA MALAYSIA MELANCARKAN PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA (MTCP) DALAM 1980 DENGAN TUJUAN YANG SATU UNTUK MENGGALAKKAN KERJASAMA BERMAKNA DI KALANGAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BAGI MENGURANGKAN PERGANTUNGAN MEREKA KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU.

MALAYSIA, KATANYA, HANYA BERUSAHA UNTUK MEMBANTU MENGGALAKKAN KETAHANAN NEGARA MELALUI PROGRAM TERSEBUT. -- LAGI

1110MST 18 12 84

0039

U 8897 DEB

MAHATHIR - KERJASAMA 2, BAMAKO (MALI) R R R

SEBAGAI SEBUAH NEGARA KECIL, IA TIDAK MEMPUNYAI CITA-CITA BAGI MELUASKAN WILAYAHNYA ATAU PUN KEINGINAN UNTUK MEMPENGARUHI ATAU MENGUASAI MASA DEPAN NEGARA-NEGARA LAIN, KATANYA.

DI BAWAH PROGRAM ITU, MALAYSIA TELAH MENAWARKAN PERSAHABATAN DAN KERJASAMA KEPADA BEBERAPA BUAH NEGARA TERMASUK MALI.

+ SAYA YAKIN BAHAWA KERJASAMA ANTARA KEDUA-DUA BUAH NEGARA KITA AKAN BERKEMBANG DALAM TAHUN-TAHUN AKAN DATANG, + KATA BELIAU.

PRESIDEN TROURE, DALAM UCAPANNYA DI JAMUAN ITU, MENSIFATKAN PERHUBUNGAN ANTARA MALI DAN MALAYSIA SEBAGAI SATU CONTOH YANG BAIK DAN MENARIK BAGI KERJASAMA SELATAN-SELATAN.

+ PERBUATAN SALING BANTU-MEMBANTU INI AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MEMBEBAS DIRI DARIPADA STRUKTUR TIDAK SEIMBANG DARIPADA SISTEM DUNIA YANG TIDAK STABIL, KATANYA. -- LAGI

1113MST 18 12 84

D048

U 8900 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 3 BAMA KO (MALI) R R R

BELIAU BERTERIMA KASIH KEPADA RAKYAT DAN KERAJAAN MALAYSIA  
KERANA PENGERTIAN DAN PERHATXAN MEREKA UNTUK MEMBANTU MALI MENGATASI  
MASALAH KEMARAU DAN PENCEROBOHAN TERHADAP PADANG PASIR SAHARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, DALAM UCAPAN NYA BERKATA BAHAWA KERAJAAN  
MALAYSIA MEMANG SEDAR TANTANG BANYAK MASALAH EKONOMI DAN SOSIAL YANG  
DIAKIBATKAN OLEH KEMARAU YANG BERLARUTAN BERTAHUN-TAHUN ITU.

+KAMITURUT MERASA SEDIH KERANA USAHA-USAHA PEMBANGUNAN NEGARA  
ANDA TERJEJASAKIBAT MALAPETAKA ITU.+

BELIAU BERKATA KERAJAAN DAN RAKYAT MALAYSIA AKAN BERUSAHA SEDAYA  
UPAYA UNTUK MEMBANTU MALI.

+WALAU PUN KAMI SENDIRI HANYA SEBUAH NEGARA MEMBANGUN YANG KECIL,  
KAMI MEMPUNYAI SEDIKIT KEPAKARAN DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU DAN  
KEBOLEHAN UNTUK MEMBANTU,+ DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA. -- LAGI  
1202MST 18 12 84

U 5904 DEE  
MAHATHIR - KERJASAMA 4 BAMA KO (MALI) R R R

+KAMI MEMINTA ANDA SUPAYA JANGAN MENGANGGAPKAN PERTOLONGAN KAMI  
SEBAGAI BANTUAN DALAM ERTI KATA YANG BIASA TETAPI ANGGAPLAH IA  
SEBAGAI LAMBANG KEINGINAN KAMI UNTUK BERKONGSI DENGAN ANDA HASIL  
PENGALAMAN DAN USAHA DALAM SEMANGAT PERPADUAN DAN PERSAHABATAN  
A N T A R A KEDUA-DUA BUAH NEGARA,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN HARAPAN BAGI MELUASKAN  
PELUANG KERJASAMA EKONOMI DAN POLITIK MALAYSIA DENGAN NEGARA-NEGARA  
AFRIKA.

+KAMI PERCAYA ASIA TENGGARA DAN AFRIKA BOLEH DAN PERLU MENJADI  
RAKAN DALAM PERJUANGAN BAGI MEMBAIKI TATACARA POLITIK DAN EKONOMI  
ANTARABANGSA,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MEMPUNYAI MASA YANG SIBUK SEMALAM DENGAN LAWATAN  
KE EMPANGAN SELENGUE DI SUNGAI SANKARANI, 150 KM KE SELATAN SINI  
DEKAT SEMPADAN GUINEA.

DIIRINGI OLEH NAIB PRESIDEN MALI, JEN. AMADO TARRA, DATUK SERI  
DR. MAHATHIR DIBAWA DENGAN KERETA DALAM PERJALAN SATU SETENGAH JAM  
KEEMPANGAN ITU, YANG DIGUNAKAN UNTUK PENGAIRAN, TENAGA  
HIDRO-ELEKTRIK DAN PERIKANAN.

-- LAGI  
1224MST 18 12 84

D061

U 8907 DEB  
MAHATHIR - KERJASAMA 5 BAMA KO (MALI) R R R

BELIAU KEMUDI ANDIRAIKAN DALAM SATU JAMUAN TENGAH HARI  
ALA-MALAYSIA DENGAN HIDANGAN DAGING KAMBING PANGGANG DI KEDUTAAN  
MALAYSIA OLEH DUTA MALAYSIA, ENCIK ZAINAL LEMBAH DAN KAKITANGANNYA.

INIDI IKUTI DENGAN PERBINCANGAN TERTUTUP ANTARA DATUK SERI DR.  
MAHATHIR DENGAN PRESIDEN TRAORE MANAKALA ANGGOTA-ANGGOTA LAIN  
ROMBONGANNYA MANGADAKAN MESYUARAT MENGENAI PERKARA-PERKARA DUAHALA

DENGAN RAKAN-RAKAN MEREKA DARI MALI, DIKETUAI OLEH MENTERI LUAR Masing-masing, TENGKU AHMAC RITEAUDDEEN DAN ENCIK ALIONE BLONDIN BEYE DI PEJABAT KABINET.

DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN PRESIDEN TRAORE KEMUDIAN MENANDATANGANS PERNYATAAN BERSAMA SEBELUM BERLEPAS KE MEDINAH, ARAB SAUDI, LEWAT HARI INI UNTUK LAWATAN EMPAT HARI.

MEREKA JU-GA MENYAKSIKAN UPACARA MENANDATANGANI PERJANJIANDI ANTARA KEDUA-DUA BUAHNEGARA BAGI MENUBUHKAN JAWATANKUASA BERSAMA TEKNIKAL DAN EKONOMI MALAYSIA-MALI OLEH KEDUA-DUA ORANG MENTERI LUAR.

PADASEBELAHMALAM, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGHADIAHKAN SATU SET PERALATAN ELEKTRONIK PENGUMPULAN BERITA KEPADA RADIO DAN TV MALI. -- LAGI  
1237MST. 18 12 84

0064

U 8910 DE8

MAHATHIR - KERJASAMA 6 BAMAKO (MALI) R R R

HADIAH ITU DI SAMPAIKAN KEPADA MENTERI PENERANGAN MALI, PUAN GAKOU FATOU NIANG, DALAM SATUUPACARA YANG BERLANGSUNG DI RADIO DAN TV MALI.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA BERLEPAS KE MEDINAH PADA PUKUL 9.30 PAGI INI WAKTU MALI (PUKUL 1.30 TENGAH HARI WAKTU MALAYSIA) DAN BERHENTI SELAMA DUA JAM DI TUNIS UNTUK MENGISI MINYAK KAPAL TERBANG.

BELIAU DIJANGKA TIBA DI MEDINAH PADA PUKUL 12.30 PAGI ESOK (PUKUL -6.30 PAGI WAKTU MALAYSIA) -- BERNAMA  
1243MST 18 12 84